

# Berita Manmin

NO. 13 13 NOVEMBER 2022



“Dalam sambutan ulang tahun gereja yang ke-40, kita bersyukur dan memuliakan Tuhan Trinitas yang akan menyempurnakan ketentuan keselamatan bagi semua manusia di dunia ini melalui kuasa penciptaan semula dan injil kesucian.”



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Ketentuan Yesus Memakai Mahkota Duri

“Askar-askar membawa Yesus ke balai istana gabenor dan mengumpulkan semua askar yang lain. Mereka memakaikan jubah ungu pada Yesus, serta membuat mahkota daripada ranting-ranting berduri lalu meletakkannya pada kepala Yesus” (Markus 15:16-17)

Semua manusia telah menjadi orang yang berdosa. Yesus datang ke bumi dan menanggung banyak penderitaan untuk menebus mereka daripada dosa-dosa mereka. Jika kita secara terperinci mengetahui apa dilakukan-Nya untuk kita, kita dapat lebih menyedari betapa dalamnya kasih Tuhan dan menjalani kehidupan Kristian yang bersungguh-sungguh. Sekarang, marilah kita meneliti ketentuan Yesus memakai mahkota duri.

### 1. Sebab Yesus memakai mahkota duri dan menumpahkan darah

Sebagai Anak Tuhan, hanya masuk akal bagi Yesus untuk memakai mahkota kehormatan dan kemuliaan. Namun begitu, di tengah-tengah penderitaan-Nya Yesus memakai mahkota daripada duri yang sangat tajam. Ketika duri yang panjang dan kukuh menembusi kepala Yesus, rasa sakit akibat kulit kepala-Nya yang terkoyak disertai oleh darah yang mengalir membasahi wajah-Nya. Mengapakah Yesus memakai mahkota duri dan menumpahkan darah-Nya? Perkara ini dilakukan demi pengampunan dosa manusia yang dilakukan oleh mereka dengan pemikiran mereka.

Di dalam otak manusia terdapat alat ingatan yang menyimpan dan menggunakan pengetahuan. Semua maklumat yang dilihat, didengar dan dipelajari oleh individu sejak lahir disimpan dengan tahap perasaan, dan perkara ini ialah “pengetahuan”. Keadaan dan persekitaran di mana setiap orang dibesarkan dan dididik adalah berbeza. Walaupun dua orang dididik oleh orang yang sama dan dalam persekitaran yang sama, namun jenis perasaan yang dengannya setiap orang menerima maklumat adalah berbeza. Inilah sebabnya mereka akan mempunyai set nilai dan piawaian yang berbeza yang dengannya mereka membezakan yang baik daripada yang jahat.

“Pemikiran” ialah pengeluaran semula pengetahuan berdasarkan keperluan. Oleh sebab pengetahuan yang dimiliki oleh setiap individu adalah berbeza, manusia akan berfikir secara berbeza walaupun mereka menyaksikan peristiwa yang sama. Perbezaan inilah yang menyebabkan budaya negara tempat anda memupuk ilmu boleh menjadi bahan kritikan di negara lain. Dengan kata lain, apa yang mungkin anda pelajari sebagai budaya yang tidak wajar di negara anda mungkin dianggap wajar di negara lain. Selain

itu, oleh sebab kebanyakan pemikiran manusia di dunia ini dikuasai oleh Iblis, pemikiran tersebut selalu bercanggah dengan kebenaran.

Sebagai contoh, apabila seseorang dipuji, Iblis mengawal dusta dan menimbulkan perasaan tidak puas hati atau kecewa dalam diri orang. Sekiranya orang itu hanya mempunyai pengetahuan tentang kebenaran, Iblis tidak dapat mengawal pemikiran mereka kerana mereka dapat sentiasa bergembira dalam kebenaran. Oleh itu, kita harus tekun mendengar Firman dan mempraktikkannya. Kita dapat mengubah diri kita dengan menyembah Tuhan dalam roh dan kebenaran serta menerima Firman dengan hanya “Ya” dan “Amin”.

### 2. Cara menyingkirkan dosa yang dilakukan dengan pemikiran dan mempunyai pemikiran rohani

Apabila mendengar Firman Tuhan, sesetengah orang akan berkata “Amin” sekiranya ajaran itu bersesuaian dengan pemikiran mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya ajaran itu tidak bersesuaian dengan pengetahuan atau pengalaman mereka, mereka mungkin tidak begitu bersedia untuk menerimanya.

Kita jumpa di dalam Alkitab tentang satu adegan Yesus memberitahu murid-murid-Nya tentang ketentuan Dia memikul salib dan Petrus menjawab, “Semoga Allah menjauhkan perkara itu daripada Tuhan”. Hal ini mungkin kedengaran seperti ucapan yang bernas daripada seorang pengikut yang mengasihi gurunya, tetapi kata-kata Petrus ialah hasil daripada pemikirannya yang badani yang berusaha untuk menghalang kehendak Tuhan daripada terlaksana. Atas sebab ini, Yesus menegurnya dan berkata, “Pergilah dari sini, hai Iblis! Engkau menghalang jalan-Ku. Fikiranmu itu fikiran manusia, bukan fikiran Allah” (Matius 16:23).

Seperti yang dicatatkan, pemikiran yang bertentangan dengan kehendak Tuhan ialah pemikiran badani. Bagi manusia badani, pemikiran badani mungkin kedengaran bijak dan baik tetapi sebenarnya bermusuhan dengan Tuhan dan tiada kaitan dengan Tuhan. Roma 8:7 menyatakan, “Seseorang yang fikirannya dikuasai oleh tabiat manusia, menjadi musuh Allah. Orang itu tidak mentaati hukum Allah, dan sebenarnya dia tidak dapat

mentaati hukum Allah”. Dalam kata lain, kita perlu menyingkirkan semua pemikiran badani dan apa-apa pengetahuan atau maklumat yang telah lama kita anggap betul jika bertentangan dengan kehendak Tuhan (2 Korintus 10:5).

Sejak bertemu Tuhan, saya tidak pernah meragui Firman Tuhan dengan mencampuradukkan pemikiran badani. Saya dapat percaya tanpa sebarang keraguan bahawa Tuhan ialah Yang Maha Kuasa kerana saya mengalami kuasa Tuhan yang menyembuhkan saya sekali gus daripada semua penyakit saya. Dengan iman itu, saya bergantung kepada Tuhan hanya dengan doa dalam apa-apa keadaan dan Dia melakukan karya yang menakjubkan seperti yang saya percayai. Apabila kita bergantung hanya kepada Tuhan tanpa pemikiran badani, Dia pasti akan berkarya untuk kita.

Untuk menyingkirkan semua dosa yang kita lakukan dengan pemikiran kita, kita mesti terlebih dahulu menyucikan hati kita. 1 Yohanes 2:16 menyatakan, “Segala sesuatu di dunia ini, iaitu yang diinginkan oleh keinginan hati orang berdosa, dan yang dilihat lalu dikehendaki, serta yang dibangga-banggakan, semuanya tidak berasal daripada Bapa, tetapi dari dunia”.

Apabila hati diisi dengan kejahatan dan sifat-sifat untuk mengikut cara dunia ini, adalah biasa bagi manusia untuk mempunyai pemikiran badani. Apabila ada “nafsu badani”, keinginan duniawi dan keinginan untuk perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak Tuhan kelihatan menyenangkan mata. Manusia kemudian secara alamiah akan mengejar keinginan itu dan apabila keinginan manusia yang berdosa semakin kuat, mereka akan lebih terdorong untuk melakukan perbuatan-perbuatan badani (Galatia 5:19-21). “Nafsu mata” ialah sifat yang mengocak hati melalui perkara yang dilihat, didengar dan dialami oleh seseorang melalui pancaindera yang menyebabkannya lebih mengejar perkara-perkara badani. Akibat “nafsu mata”, manusia menjadi duniawi dan semakin mengejar perkara yang penuh nafsu.

“Keangkuhan hidup” ialah sifat yang berusaha untuk membanggakan diri sesuai dengan semua kesenangan yang dimilikinya di dunia ini. “Keangkuhan hidup” ini mendorong orang untuk mengangkat dan menayang-nayangkan diri, mengejar pengiktirafan, dan memegang kemasyhuran dan kuasa. Apabila anda telah menyingkirkan nafsu badani, nafsu mata dan keangkuhan hidup, anda akan dapat mempunyai pemikiran rohani yang menyenangkan hati Tuhan.

### 3. Tuhan menyediakan mahkota yang indah untuk kita di Syurga

Oleh sebab Yesus memakai mahkota duri bagi kita, kita

diampunkan daripada dosa yang telah kita lakukan dengan pemikiran dan kita akan dapat memakai mahkota yang indah apabila kita masuk ke Syurga. Terdapat pelbagai mahkota yang telah disediakan untuk kita. Jenis mahkota yang akan kita terima ditentukan oleh kehidupan yang telah kita jalani.

Sebagai contoh, terdapat mahkota “yang tidak binasa” untuk orang yang telah berjuang untuk menyingkirkan dosa mereka selepas menerima Tuhan Yesus dan mendengar kebenaran (1 Korintus 9:25), “mahkota kemuliaan” untuk orang yang telah menyingkirkan dosa mereka, hidup menurut Firman Tuhan, dan memberikan kemuliaan kepada-Nya (1 Petrus 5:4), dan “mahkota kehidupan” untuk orang yang mengasihi Tuhan sehingga tahap tertinggi, setia kepada Tuhan sehingga mati dan disucikan dengan menyingkirkan semua bentuk kejahatan (Yakobus 1:12; Wahyu 2:10). Terdapat juga “mahkota kebenaran” bagi setiap orang yang telah disucikan sepenuhnya dan melaksanakan tugas-tugas yang diberikan oleh Tuhan dengan sepenuhnya dengan jenis iman yang menyenangkan menurut pandangan Tuhan (2 Timotius 4:8).

Wahyu 4:4 menyatakan bahawa “pemimpin” syurgawi memakai “mahkota emas”. “Pemimpin” dalam ayat ini bermaksud orang yang memiliki iman seperti emas yang tidak berubah yang diiktiraf oleh Tuhan, orang yang telah disucikan sepenuhnya dan orang yang setia dalam segala aspek. Bergantung kepada tahap mereka disucikan dan betapa setia mereka, Tuhan akan memberi ganjaran kepada setiap mereka dengan mahkota yang berbeza.

Saudara dan saudari dalam Kristus, dengan memakai mahkota duri, Yesus bukan sahaja menebus kita daripada dosa yang kita lakukan dengan pemikiran malah Dia juga membolehkan kita memakai mahkota yang indah di Syurga. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan memusnahkan pemikiran badani yang bermusuhan dengan Tuhan dan mentaati-Nya dengan pemikiran rohani dan menikmati kemuliaan seperti matahari di Syurga.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)

E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



World Christian Doctors Network

[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)



“ Suatu penghormatan untuk dapat bersama Manmin yang memenuhi ketentuan Tuhan.”

**Pastor Victor Gimenez**

Usia 48,  
Gereja Manmin Ciudad Guayana,  
Venezuela



Pada tahun 2010 ketika melayari Internet, saya terjumpa laman sesawang Gereja Pusat Manmin.

Saya berasa sangat terharu melihat karya kuasa Tuhan yang dilakukan oleh Pendeta Dr. Jaerock Lee. Saya biasanya berjaga malam membaca khutbah beliau seperti ‘Pesan Salib’, ‘Ukuran Iman’, ‘Syurga’, ‘Neraka’, dan ‘Kuliah tentang Kejadian’. Selepas mendaftar dengan Gereja Pusat Manmin melalui Internet, saya menghadiri ibadat penyembahan Gereja Pusat Manmin pada setiap petang Sabtu menerusi GCN mengikut masa sebenar.

Saya juga berhubung dengan Pastor David Jang dari Gereja Manmin Colombia dan meneruskan persekutuan. Pada masa yang sama, saya mempunyai kerinduan untuk mendirikan Gereja Manmin di Venezuela. Dengan mendengar dan belajar daripada khutbah Pastor Kanan melalui Internet, saya dengan jelas memahami kehendak Tuhan berkenaan menghormati Sabat sebagai hari yang suci dan kepentingan penyucian dan sebagainya, jadi saya harus berkongsi perkara ini dengan orang lain.

Saya mengedarkan Berita Manmin dan CD ‘Pesan Salib’ kepada para pastor, dan bertekun menyampaikan kata-kata kesucian yang penuh kuasa daripada Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee melalui perkhidmatan rangkaian sosial.

Akhirnya, pada 27 Mac 2018 Gereja Manmin yang pertama dibina di Ciudad Guayana, Venezuela.

Pada bulan Julai, Pastor David Jang melawat Venezuela untuk kali pertama, dan kira-kira 100 orang pastor dari bandar Guayana berkumpul dan menerima doa sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) serta mengalami karya Roh Kudus, seperti pemulihan penglihatan dan kesakitan hilang.

Pada bulan September 2018, satu perjumpaan diadakan di Plaza Peringatan Bandar Guayana, dan karya berapi Roh Kudus diperlihatkan di hadapan lebih 1,000 orang. Dalam perjumpaan yang dianjurkan oleh Majlis Pastor Guayana, 300 pastor Guayana dan 200 pastor dari Yaracuy menerima rahmat dan mengalami kesembuhan daripada pelbagai penyakit. Dengan ini, Gereja Manmin yang kedua didirikan di Valencia, Carabobo.

Pada bulan Mac 2019, perjumpaan yang ketiga diadakan dengan kesungguhan para pastor Venezuela dan menunjukkan betapa mereka mendambakan injil kesucian dan pelayan Manmin. Selain itu, Gereja Manmin yang ketiga juga didirikan di kawasan Coloncito di Panamericano. Haleluyah!

Selepas itu, Pastor David Jang melawat dua kali lagi, menyampaikan injil kesucian kepada rakyat Venezuela dan memberikan kemuliaan kepada Tuhan dengan membolehkan mereka mengalami karya kuasa.

Suatu penghormatan bagi saya untuk dapat menjadi sebahagian daripada pelayan Manmin untuk memenuhi ketentuan Tuhan pada akhir zaman yang penuh dengan dosa dan kejahatan. Saya dengan ikhlas berharap agar karya keselamatan akan berlaku kepada semua rakyat Venezuela melalui pelayan Manmin.



“ Saya mahu lebih ramai orang bertemu dan mengalami Tuhan Yesus melalui injil kesucian.”

Ramlal Kashayp

Usia 36,  
Gereja Manmin Basta,  
Chhattisgarh, India, kiri

Saya ialah seorang petani di Chhattisgarh, India, dan saya berkongsi injil dengan orang di sekeliling saya dan kampung-kampung yang berdekatan.

Pada 9 Jun 2021, saya mengenali saluran ‘GCNTV HINDI’ melalui YouTube dalam bilik sembang kumpulan yang dikendalikan oleh orang Kristian. Kemudian, saya mengambil bahagian dalam ibadat penyembahan menerusi Zoom yang dihutbahkan oleh Pastor John Kim secara atas talian dan menerima rahmat yang besar. Khutbah itu, yang tidak pernah saya dengar sebelumnya, menerangkan maksud rohani Firman Tuhan dengan mudah dan jelas. Saya juga menghadiri Perjumpaan Doa Daniel dan mendengar doa Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin melalui pentafsiran dalam bahasa Hindi, dan belajar tentang perkara doa dan cara berdoa.

Perkara yang paling saya syukuri selepas bertemu Manmin ialah hakikat bahawa saya telah dapat mengetahui Firman Tuhan dengan tepat dan berdoa menurut Firman Tuhan. Selain itu, saya dahulunya menderita penyakit ringan seperti demam dan selesema tetapi sekarang saya sihat tanpa sebarang penyakit ini. Daya ingatan isteri saya dahulunya tidak baik tetapi sekarang menjadi lebih baik selepas menerima doa Pastor Kanan untuk orang sakit.

Selain itu, berkongsi injil juga menjadi lebih mudah bagi saya. Saya dahulunya berseru dan berkhotbah dengan tekun dengan berkata, “Percayalah kepada Tuhan. Dia ialah satu-satunya Penyelamat” tetapi tanpa mengetahui sebab hanya Tuhan Yesus satu-satunya Penyelamat kita.

Namun begitu, melalui khutbah Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee, “Pesanan Salib”, saya dapat memahami dengan jelas mengapa hanya Tuhan Yesus ialah Penyelamat kita. Apabila saya menunjukkan video ‘Kuasa Tuhan’ kepada orang ramai yakni banyak orang dari seluruh dunia telah disembuhkan dan memuliakan Tuhan dengan kesaksian melalui doa Pastor Kanan, hati mereka mudah terbuka dan hal ini memudahkan saya menyampaikan injil.

Pada ketika itu, tiada gereja di kampung saya. Saya mula membina sebuah gereja di kawasan Basta dengan beberapa orang anggota yang saya injili tetapi kerja ini mengambil masa yang lama akibat masalah kewangan. Para anggota membawa simen, tandas, paip dan lain-lain. Kami membeli bata dan meneruskan kerja pembinaan pada setiap kali kami mempunyai wang.

Kemudian, saya mengenali Manmin dan saya bercadang untuk menjadikannya sebagai gereja cawangan Manmin supaya lebih ramai orang dapat mendengar injil kesucian dan dipimpin ke Syurga. Dengan bimbingan baik daripada Tuhan, pada 17 Jun 2022 kami akhirnya mengadakan ‘Ibadat Kesyukuran Pembinaan Gereja Manmin Basta’ bersama dengan Pastor John Kim. Haleluyah!

Impian saya adalah supaya lebih ramai orang mengetahui Firman Tuhan dengan tepat, merasakan kebahagiaan hidup menurut kehendak Tuhan, dan menjalani kehidupan iman yang dengannya mereka bertemu dan mengalami Tuhan Yesus.